

# **TEORI PSIKOLOGI**

Azizi Yahaya & Faizah Idris  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Teori psikologi ini adalah psikologi yang mempengaruhi sikap agresif di kalangan pelajar. Terdapat beberapa faktor iaitu faktor persekitaran, teori neurologi, teori psikoanalisis, teori kognitif dan teori behaviourisme.

*Katakunci :* teori psikologi

## **1 Keturunan Genetik dan Faktor Persekitaran**

Lombroso (petik dari Hollin, 1989) membahaskan bahawa agresif adalah dilahirkan semula jadi dan tidak dipelajari. Lombroso membuat kesimpulan bahawa satu per tiga daripada pesalah adalah dilahirkan sebagai penjenayah. Yang lain adalah disebabkan oleh pengambilan dadah atau arak serta pengaruh persekitaran yang buruk seperti kurang terima pendidikan.

Osborn dan West (1979) mendapati seramai 40% anak penjenayah adalah penjenayah. Ini berbanding dengan hanya 13% penjenayah yang ayah mereka bukan penjenayah. Rowe (1983) telah menjalankan kajian ke atas golongan anak kembar dan membuat kesimpulan bahawa faktor genetik memainkan peranan dalam penerangan jenayah. Bagaimanapun, ini tidak bermaksud agresif adalah akibat perbezaan dalam biologi. Apa yang ditekankan ialah kandungan genetik mempunyai potensi untuk perkembangan dalam tingkah laku agresif.

Crowe (1974) mendapati daripada sampel anak angkat di mana ibu kandung mempunyai rekod jenayah, didapati hampir 50 peratus anak angkat melakukan jenayah bila mencapai 18 tahun. Ini berbanding dengan hanya 5 peratus anak angkat di mana ibu kandung mereka bukan penjenayah telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Kajian Kontemporari (Rutter and Giller, 1983) bersetuju bahawa individu yang mempunyai kromosom Y yang berlebihan (XXY) kemungkinan besar terlibat dalam masalah tingkah laku.

## **2 Teori Biokimia/ Neurologi**

Hippchen (1978) mencadangkan bahawa kekurangan dalam vitamin B3 adalah punca utama tingkah laku hyper aktif dalam kanak-kanak dan remaja. Kajian yang lain telah mengaitkan faktor makanan seperti kandungan protein, karbohidrat dan gula dengan perkaitan tingkah laku jenayah (Schoenthaler dan Doraz, 1983)

Monroe (1978) mendapati bahawa kecacatan otak seperti Kerosakan Otak Minimum dan ketumbuhan telah dikaitkan dengan jenayah.

### **3 Teori Psikoanalitik**

Pandangan dan konsep psikoanalitik Freud telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita, mempengaruhi cara manusia memahami diri dan orang lain. Freud menyatakan bahawa tingkah laku manusia digerakkan atau ditentukan melalui operasi keadaan ketegangan dalaman yang dikenali sebagai naluri. Naluri bertindak untuk memuaskan kehendak-kehendak tubuh badan dan membawa keseronokan.

Blatt dan Lerner, (1983) menyatakan bahawa tumpuan tradisi psikoanalitik adalah pada konsep psikodinamik. Mereka mempercayai bahawa kuasa dalaman, dinamik merupakan punca dan sebab sesuatu tingkah laku.

Healy dan Bronner (1936) berpendapat bahawa kesan dari hubungan yang tidak memuaskan dengan individu lain (biasanya ibu atau bapa), remaja akan menyalurkan perasaan tidak puas hati ini kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku yang lain.

Reckless dan Dintz (1967) mempercayai bahawa konsep-kendiri memainkan peranan utama dalam perkembangan tingkah laku pesalah. Kajian menunjukkan populasi pesalah mempunyai konsep-kendiri yang rendah berbanding dengan mereka yang bukan pesalah.

### **4 Teori Kognitif**

Ahli-ahli rasionalis yang berpegang kepada teori ini memandang pembelajaran sebagai satu proses pemikiran. Perubahan-perubahan tingkah laku atau yang disebut sebagai pembelajaran itu hanyalah suatu refleksi perubahan dalaman. Piaget telah banyak menghabiskan masanya untuk mengkaji proses perkembangan kognitif kanak-kanak.

Cohen dan Felson (1979) menyatakan untuk melakukan sesuatu jenayah, peluang mesti wujud terdahulu. Penjenayah akan mengambil keputusan sama ada hendak lakukan jenayah tersebut atau tidak.

Stewart dan Hemsley (1979) memperlihatkan jenayah sebagai pertimbangan penjenayah atas kesan bahaya yang dihadapi dan kesan melakukan kesalahan tersebut.


## 5 Teori Behaviourisme

Ahli-ahli teori behaviourisme menyatakan semua gerak balas berlaku disebabkan rangsangan. Mazhab ini diasaskan oleh Ivan Pavlov dan diperkembangkan oleh pakar-pakar psikologi terkenal seperti J.B. Watson, B.F.

Skinner dan E.L. Thorndike. Perspektif mazhab ini ialah perubahan tingkah laku manusia banyak dipengaruhi oleh alam sekeliling yang berperanan membentuk dan mengubahsui perlakuan tersebut (Kamarudin , 1997)

B.F. Skinner (1974) membahagikan tingkah laku kepada dua bahagian yang besar, iaitu tingkah laku pantulan yang dapat dipelajari mengikut pelaziman klasik Pavlov dan tingkah laku operan, iaitu tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang tanpa rangsangan yang nyata.

Berdasarkan kajiannya, Thorndike membuat kesimpulan bahawa dalam pembelajaran haiwan, hubungan rangsangan dan tindak balas berlaku tanpa sebarang proses media yang mkologi dan pen



Rajah 1: Model Kerangka Kajian Tentang Perlakuan Agresif Pelajar Menurut Teori Behaviourisme.

Model ini menunjukkan perlakuan agresif berlaku kerana terdapatnya proses rangsangan terhadap pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini pemboleh ubah yang digunakan meliputi faktor-faktor, jenis perlakuan agresif dan demografi. Manakala perlakuan agresif di sekolah menengah dijadikan pemboleh ubah bersandar.

Dalam rangka kajian teori, penyelidikan dibuat untuk mengenalpasti apakah faktor yang menjurus kepada perlakuan agresif pelajar dari sudut persepsi pelajar. Rangsangan ini terdiri daripada faktor pemboleh ubah bebas yang mana akan berlarutan sehingga menjadi kebiasaan kepada pelajar sehingga menjurus kepada perlakuan agresif. Rangsangan ini dari pemboleh ubah bebas yang berulang dan pelajar sudah terbiasa menyebabkan kehidupan pelajar menjurus kepada perlakuan agresif. Faktor pemboleh ubah bebas ini mempunyai peranan dan kesan yang besar ke arah perlakuan agresif pelajar. Perlakuan agresif pelajar disalurkan dalam bentuk tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial. Perlakuan agresif ini dikaji dari aspek pelajar kawasan bandar Johor Bahru dan nyata semuanya mempunyai perkaitan dan sentiasa berulang dalam kitaran yang sempurna dan lengkap.

Penyelidik ingin melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah bebas seperti faktor-faktor perlakuan agresif dan demografi (jantina) dengan pemboleh ubah bersandar iaitu perlakuan agresif. Penyelidik juga ingin melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bebas seperti jenis tingkah laku agresif dengan pemboleh ubah bebas yang lain (pendapatan ibu bapa)

### **Rujukan :**

- Kamus Dewan (1989) "Kamus Dewan". (Edisi Terbaru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rosman. S, Morley, E. (1996). "Education And Urban Society", Di Dalam School Safety: What's Being Done and Where Is It Going?, E; DeBerjois, J; Lane, P, University Of North Carolina, Sumber:
- Dawkins J. (1995). Bullying in School: doctors' responsibilities. British Medical Journal; 310: 274-5
- Hussein Mah. & Kamaruddin A.R. (1984) "Beberapa Pandangan Dan Dapatan Yang Berkaitan dengan Disiplin Di Sekolah" Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia, Keluaran 65. Jilid XXVIII: Jemaah Nazir Sekolah
- Kamaruddin Hussin (1996). Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Liska, Allen E. (1987). "Perspective On Deviance". Englewood Cliffs, N.J. Prentice Hall.
- Boulton M.J., Trueman M. Dan Flemington I. (2002). Associations between Secondary School pupils' Definition of Bullying, Attitude towards Bullying, and Tendencies to Engage in Bullying: age and sex differences. Education Studies, December, 28, 4,353-370(18)

- Smith dan Sharp (1994) The problem of school bullying. In P.K. Smith & S.Sharp (Eds.), School Bullying Insights and perspectives. London: Routledge.
- Mooney, R.L.& Gordon, L.V. (1950). The Mooney Problem Check Lists. U.S.A.: The Psychological Corporation.
- Salmivalli, C. (1998). Inteligent, attractive, well-behaving, unhappy: Th estructure or adolescents' self-concept and its relations to thier social behavior. Journal of Research an Adolescence, 8, 333-354.